

lokal



KEBANYAKAN warga asing tidak serik dengan tindakan undang-undang.

(26 April 2022) - Hm, p10

Penjaja asing tawan kaki lima

Warga asing terus bermiaga di Pasar Borong Kuala Lumpur seolah-olah kebal tindakan

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor dan Nurul
Hidayah Bahaudin
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tak pernah serik walaupun sudah diserbu beberapa kali oleh pihak berkuasa.

Malah, warga asing di sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur terutama di Jalan 2/3a, di sini, dilihat seolah-olah kebal dan tahu selok-belok undang-undang.

Tinjauan di kawasan terabit mendapati kebanyakannya peniaga terutama warga Myanmar menjadikan kaki lima di kawasan itu sebagai lokasi perniagaan.

Sebelum ini mereka menyewa premis perniagaan dengan harga RM7,000 hingga RM15,000 sebulan bagi menjalankan perniagaan membekal sayur-sayuran, barang basah dan buah-buahan.

Bagaimanapun, selepas premis mereka disita, kebanyakannya peniaga beroperasi semula namun menjadikan kaki lima sebagai lokasi.

Peniaga sayur warga tempatan, Mohd Kamil Ahmad, 44, berkata, kebanyakannya warga asing ini tidak pernah serik dengan tindakan undang-undang yang diterima.

"Mereka tahu jika Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membuat serbuan, penguat kuasa hanya me-

nyita premis dan merampas barang perniagaan."

"Mereka tetap bebas dan boleh kembali mengambil upah bekerja ataupun mengoperasikan semula perniagaan mereka," katanya ketika di sini, semalam.

Menurutnya, peniaga warga asing di kawasan itu seolah-olah tahu mereka tidak boleh dikenakan tindakan oleh DBKL.

"Bila aduan dilakukan kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), mereka kata tidak boleh tangkap sebab kahwin dengan orang tempatan."

"Jika difikir semula, adakah semua peniaga warga asing di situ berkahwin dengan orang tempatan?" katanya.



PENJAJA warga asing di sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI